



12 August 2020

## Ruang dan Pengembaraan. Rangkaian Model Volkswagen Tiguan Allspace kini dilancarkan pada harga bermula RM164,430

- Boleh didapati dalam dua varian, Tiguan Allspace Highline dan Tiguan Allspace R-Line
- Tiguan Allspace R-Line serba baharu dijangka menjadi model terlaris dalam segmennya.
- Kedua-dua varian ini dipasang tempatan di kilang Volkswagen Pekan

**KUALA LUMPUR** – Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) hari ini melancarkan rangkaian model Tiguan Allspace serba baharu, sebuah SUV menarik yang dijangka memberi impak besar dalam segmen SUV tempatan. Dua varian ditawarkan: Tiguan Allspace Highline 1.4TSI dan Tiguan Allspace R-Line 2.0TSI. Kedua-duanya dipasang tempatan di kilang Volkswagen di Pekan, Pahang.

Merupakan versi Tiguan dengan tapak roda lebih panjang, Allspace tampil dengan rekaan hadapan dan belakang yang tersendiri. Bahagian luarannya diserahkan menerusi posisi bonet yang lebih tinggi, bersama garisan tajam pada bonet dan bampar, sekali gus memberikannya penampilan yang garang.

Tiguan Allspace dengan tapak roda lebih panjang menjadikannya sebuah SUV yang benar-benar luas. Seterusnya dapat menawarkan versatiliti menerusi pelbagai konfigurasi tempat duduk. Apabila tempat duduk baris ketiga dilipat sepenuhnya, ia mampu menawarkan ruang seluas 700 liter. Jika tempat duduk baris kedua dan ketiga dilipat, SUV berkenaan memberikan ruang yang sangat luas iaitu 1,775 liter, terbaik dalam kelasnya.

SUV tujuh tempat duduk itu menggabungkan prestasi dinamik, pengalaman off-road sebenar dan mengetengahkan DNA SUV Volkswagen yang baru, menjadikannya cukup versatil serta menarik perhatian.

Berpegang teguh kepada legasi R-Line, Tiguan Allspace R-Line ialah sebuah SUV berprestasi tinggi. Penampilan agresifnya di atas jalan biasa dan off-road diserahkan dengan rim aloi Sebring bersaiz 19". Ia juga menawarkan kuasa dan tork paling tinggi dalam kelasnya. Keupayannya dipertingkatkan lagi dengan sistem pacuan semua roda 4Motion.

### Press contact

Dawn Ling  
Manager, VPCM  
Tel: 012 - 474 3007  
E: [dawn.ling@vw.com.my](mailto:dawn.ling@vw.com.my)

Yani Fadzil  
Senior Manager, VPCM  
Tel: 012 - 212 8977  
E: [yani.fadzil@vw.com.my](mailto:yani.fadzil@vw.com.my)



More under  
[www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)  
[www.volkswagen-newsroom.com](http://www.volkswagen-newsroom.com)

# Media Information



Bahagian dalaman tidak kurang menariknya dengan ciri ketersambungan terbaik seperti Digital Cockpit dan sistem infohibur Discover Pro infotainment 9.2".

Varian Volkswagen R-Line mengambil inspirasi daripada rangkaian model b prestasi tinggi Volkswagen R. Pakej gayaan sporty yang dipasang pada varian R-Line membuatkannya kelihatan lebih sporty, pada masa sama mengekalkan nilai yang hebat.

Pengarah Urusan VPCM, Erik Winter memberitahu, pasaran SUV yang kian berkembang di Malaysia menawarkan peluang terbaik kepada Tiguan Allspace. "Pasaran SUV di Malaysia telah berkembang sebanyak 65% dan kami percaya ia akan terus memacu pasaran automotif. Dengan penambahan dua varian Tiguan Allspace, Volkswagen akan dapat memenuhi keperluan pembeli yang berbeza apabila menawarkan mereka dengan pilihan jentera 7 tempat duduk bersama kualiti kejuruteraan Jerman serta prestasi yang tiada tandingan."

Menjadi model terlaris Volkswagen di peringkat global, Tiguan mencatat rekod apabila mencapai jualan 6 juta unit pada tahun 2019. Ia juga menjadi model paling laris untuk kumpulan Volkswagen untuk tahun yang sama. Kini, model serba baharu Tiguan keluar daripada saluran pengeluaran di seluruh dunia pada setiap 35 saat.

Tempahan dan pandu uji boleh dibuat di semua pengedar sah Volkswagen di seluruh negara. Maklumat lanjut, sila layari laman web: [www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)

## Tiguan Allspace Highline 1.4TSI Serba Baharu

### Luaran

Tiguan Allspace Highline serba baharu dilengkapi lampu utama dan lampu belakang LED penuh, rim Kingston 18" serta lampu kabus di hadapan dan belakang.

### Dalaman

Banyak ciri astetik dan fungsi boleh didapati pada Tiguan Allspace Highline. Ruang dalamannya hadir dengan upholsteri kulit 'Vienna', tempat duduk elektrik 12-talaan untuk pemandu dan sistem pendingin hawa bersama kawalan suhu 3 zon demi keselesaan semua penumpang. Stereng multi fungsi yang dibalut kulit dengan paddle shifter dan kawalan jelajah membuatkan pemanduan Tiguan Allspace cukup menyeronokkan.

# Media Information



## Enjin dan Prestasi

Tiguan Allspace Highline menggabungkan enjin turbo pancitan terus 1.4TSI dengan kotak gear klac basah direct shift 6-kelajuan (DSG). Ia mampu menjana kuasa 150PS dan tork 250Nm. SUV ini juga menawarkan penggunaan bahan api sekitar 7.3l/100km.

## Ketersambungan

Digital Cockpit bersaiz 11.7" dengan paparan colour thin-film transistor (TFT) beresolusi tinggi menawarkan pelbagai fungsi dan ciri dalam paparan grafik 2D dan 3D untuk navigasi serta media. Skrin dengan enam pandangan boleh ubah menawarkan aspek personalisasi ke tahap baru dengan lebih 30 pilihan kombinasi.

Ciri-ciri lain termasuklah pilihan ketersambungan yang banyak melalui unit utama dengan skrin sentuh Composition Media bersaiz 8". Ia menyokong kamera belakang, selain sistem infohibur dan menu kenderaan yang lengkap.

## Ciri-ciri Keselamatan

Tiguan Allspace Highline dilengkapi pelbagai ciri keselamatan utama seperti enam beg udara, Electronic Stability Control (ESC), Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) dan Brake Assist (BA), brek Multi-collision, Intelligent Crash Response System (ICRS), Electronic Parking Brake (EPB) serta hill-hold control.

## Tiguan Allspace R-Line 2.0TSI Serba Baharu

Tiguan Allspace R-Line hadir dengan ciri yang lebih banyak berbanding Tiguan Allspace Highline.

## Luaran

Tiguan Allspace R-Line menampilkan gayaan sporty menerusi bampar hadapan dan belakang R-Line, garis pada panel sisi hadapan, ekzos berkembar serta spoiler belakang. Penampilan keseluruhannya disempurnakan lagi dengan rim aloi Sebring bersaiz 19".

## Ruang dalaman

Selain daripada tempat duduk hadapan dengan talaan elektrik 12-cara yang dibalut kulit Vienna. Ruang kabin itu turut dipasang dengan lencana R-Line pada tempat duduk, stereng, pedal sports aluminium tahan karat, plat pelindung aluminium pada bahagian hadapan dan belakang, kemasan dekoratif 'Dark Grid' serta kemasan bumbung berwarna hitam.

# Media Information



## Enjin dan Prestasi

Tiguan Allspace R-Line ialah sebuah SUV yang menawarkan ruang, keselesaan dan prestasi. Sebuah SUV yang cukup mantap, ia dikuasakan oleh enjin turbo pancitan terus 2.0TSI dan dipadankan dengan kotak gear klac basah direct shift 7-kelajuan (DSG). Enjin itu mampu menjana kuasa mencecah 220PS dan tork 350Nm. Ini menjadikan Tiguan Allspace R-Line sebagai kenderaan paling berprestasi dalam segmennya.

## 4MOTION

Tiguan Allspace R-Line serba baharu dilengkapi 4MOTION, sistem pacuan semua roda yang turut dipasang pada Golf R. Dengan 4MOTION, aspek cengkaman, pecutan dan keupayaan off-road jentera ini telah dipertingkatkan. Ini kerana sistem pacuan semua roda tersebut mengagihkan kuasa kepada semua empat roda bila dan di mana ia diperlukan. 4MOTION berfungsi selari dengan sistem-sistem keselamatan aktif yang lain di dalam kereta seperti Sistem Brek Anti-Kunci (ABS), Electronic Stability Programme (ESP) dan Hill Descent Control (HDC).

## Ketersambungan

Selain Digital Cockpit yang cukup jelas, Tiguan Allspace R-Line juga dilengkapi sistem infohibur navigasi Discover Pro bersaiz 9.2" yang mudah dioperasi. Terima kasih kepada plug-in App Connect (Apple Carplay, Android Auto, Mirrorlink) yang lengkap dengan kawalan suara dan gestur untuk memberikan ketersambungan bebas tangan sepenuhnya kepada pemandu.

## Ciri-ciri Pemanduan

Tiguan Allspace R-Line hadir dengan ciri Dynamic Chassis Control (DCC) bersama Driving Mode Selection untuk pemanduan yang lebih personal. Ia menawarkan sehingga 15 gaya pilihan dan empat mode pemanduan - Comfort, Normal, Individual dan Off-Road. Setiap penyerap hentak disambungkan ke satu sistem yang mampu mengira data daripada sensor bagi memberikan talaan optimum untuk dipadankan dengan keperluan serta kecenderungan pemandu.

## Keselamatan

Hill Descent Control (HDC) ialah satu ciri keselamatan tambahan yang menawarkan kawalan laluan off-road mengujakan apabila mode Off-Road diaktifkan. Ciri tersebut yang merupakan sebahagian daripada sistem 4MOTION akan menekan brek dan pendikit apabila diperlukan. Ia bagi memastikan kenderaan bergerak pada kelajuan stabil dan terkawal ketika menuruni bukit.

# Media Information



## Warna dan Harga

Varian Tiguan Allspace Highline dan Tiguan Allspace R-Line didatangkan dalam warna biru (Blue Silk), putih (Pure White), hitam (Deep Black), kelabu (Platinum Grey) dan putih (Pyrite Silver).

Tiguan Allspace Highline serba baharu ditawarkan pada harga **RM 169,990** dan Tiguan Allspace R-Line berharga **RM213,490**. Dengan adanya pengecualian cukai, kedua-dua varian tersebut ditawarkan pada harga cadangan **RM164,430.75** dan **RM208,553.79** sehingga 31 Disember 2020. Pemilik akan menikmati penyelenggaraan percuma selama 3 tahun, selain jaminan tanpa had perbatuan dan bantuan tepi jalan selama 5 tahun.

###